

22 JUN 2003

HADI JANGKA HUBUNGAN PAS DAN UMNO SAMA DALAM PENTADBIRAN ABDULLAH

PASIR MAS, 22 Jun (Bernama) -- Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata hubungan parti itu dengan Umno akan menjadi seperti biasa apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui pentadbiran negara dan Umno nanti.

"Masa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun kita adalah hubungan seperti biasa iaitu dalam perkara yang baik kita sokong, yang negatif kita tentang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah di Markas PAS Rantau Panjang di sini malam tadi.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Kuala Lumpur yang berakhir semalam dan peralihan pucuk pimpinan Umno dan kerajaan daripada Dr Mahathir kepada Abdullah pada Oktober nanti.

Beliau berkata menjadi hak Dr Mahathir untuk berundur dan PAS tidak menafikan bahawa ada pencapaian yang dilakukan oleh Dr Mahathir.

Ditanya tentang PAS yang masih menjadi sasaran pada Perhimpunan Agung Umno itu, beliau berkata itu menandakan bahawa PAS kuat.

-- BERNAMA

BD MAI